

Menjadikan golongan OKU inklusif

DE 22/7/2011 2

Mary Chin

KOTA KINABALU: Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Hjh Azizah Mohd Dun mengenal pasti strategi untuk merangsang usaha menggalakkan sebuah masyarakat inklusif.

Beliau berkata, ini boleh dicapai dengan meningkatkan kekuatan dan kepintaran rakyat, sektor awam dan swasta untuk sebuah masyarakat yang lebih inklusif.

"Mungkin kita boleh panggil ia sebagai Sinergi Rakyat, Rakan Kongsi Awam dan Swasta untuk Masyarakat Inklusif". Untuk menjadikan visi sebuah masyarakat inklusif satu kenyataan, di mana semua orang boleh mendapat nikmat daripada kemajuan dan pembangunan negara, kita perlu mempunyai semangat jitu, bersatu padu dan setia.

Secara individu, usaha itu mungkin agak sukar tetapi jika dilakukan bersama, kamu boleh memindahkan gunung dan menyentuh perasaan rakyat dari semua lapisan masyarakat," kata beliau dalam ucapannya di penutupan Persidangan Antarabangsa Mengenai Kelainan Upaya Intelektual 2011, Rabu lepas.

Azizah yang juga Adun Klias, percaya perwujudan sebuah masyarakat inklusif harus bermula dari rumah.

"Kamu tidak boleh menanam pokok hari ini dan menjangkakan hasilnya esok."

Teks ucapan beliau dibacakan Pembantu Menterinya Datuk Herbert Timbon Lagadan.

Beliau kemudian menerima satu set resolusi persidangan daripada pengurus Lembaga Pengurusan Pusat Seri Mengasih yang juga Pengurusi Penganjur Persidangan, Datuk Hj Safari Manan.

Dokumen itu akan dikemukakan kepada Kerajaan untuk pertimbangan dan pengesahan sebelum dilaksanakan.

Sambil memuji warga Pusat Seri Mengasih atas khidmat mereka terhadap kemanusiaan, Azizah memberi jaminan kepada mereka mengenai sokongan penuhnya.

"Sebagai menteri yang bertanggungjawab terhadap Pembangunan Masyarakat di Sabah, saya akan berusaha untuk terus bekerjasama dengan kamu. Kemanusiaan adalah mengenai Rakyat Didahulukan, bukannya keupayaan atau kelainan upaya kerana tidak ada sesiapapun di dunia ini yang benar-benar sem-

purna," katanya.

Beliau bagaimanapun, mengingatkan Seri Mengasih dan institusi-institusi serupa agar tidak terlalu mudah berpuas hati.

"Ini ada ketikanya hadir bersama kejayaan. Kamu telah menunjukkan jalan, dan dengan tenaga dan rakan-rakan baharu, kamu bakal mencapai tahap yang lebih tinggi."

Menteri itu menggesa supaya bahan penyampaian para penceramah asing dalam persidangan itu, yang merupakan pakar dalam bidang kelainan intelektual dan pengembangan dikumpul dan diterbitkan.

"Ini amat berguna sebagai harta intelektual untuk rekod dan rujukan masa depan."

Persidangan tiga hari itu dianjurkan bersama Pusat Seri Mengasih dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Turut hadir ialah Timbalan Naib Canselkor UMS (Penyelidikan & Inovasi) Prof Dr Rosnah Ismail, Dekan Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial UMS, Dr. Murnizam Hj. Halik, Ahli Lembaga Pengurusan Pusat Seri Mengasih, Dr Daniel Fong dan Ketua Pengawai Eksekutif Ngo York Kong.



HERBERT (tengah) menerima cendera kenangan daripada Prof Dr Rosnah. Kedua dari kanan ialah Safari.